

Senarai spesies ikan asing dilarang bawa masuk ke Malaysia diperluas

BH 30/10/23 m/s 1

Oleh Latifah Arifin

latifah@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perikanan (DOF) sedang membuat semakan terhadap Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import bagi Ikan) 1990 dan Pindaan 2011, bagi menyenaraikan semula spesies ikan asing tambahan yang dipercayai boleh memberi ancaman kepada ikan asli dan ekosistem perairan negara.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain, berkata

langkah itu penting bagi melindungi perairan umum negara daripada spesies invasif atau ikan pendatang yang dikenal pasti sudah memasuki dan mendominasi sungai utama.

"DOF mempunyai peraturan bagi mengawal kemasukan ikan import. Melalui Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import bagi Ikan) 1990, beberapa spesies ikan kita kawal kemasukannya dalam negara. Ikan ini tidak boleh dibawa masuk kecuali dengan kelulusan Jabatan Perikanan.

"Kita juga dalam tindakan menyemak semula peraturan ini untuk menyenaraikan lagi beberapa spesies tambahan sesuai dengan perkembangan semasa. Pindaan ini dijangka selesai tahun depan," katanya pada BH, di sini.

Beliau mengulas ancaman ikan invasif seperti baung ekor merah yang kini menjadikan sungai utama di Perak, Selangor dan Pahang sebagai habitatnya.

Larangan import pelihara ekosistem perairan

BH 30/10/23 Mls 14

Dari Muka 1

Ketika ini, DOF menyenaraikan 19 spesies ikan yang dilarang diimport ke negara ini, antaranya piranha atau nama saintifiknya Pygocentrus, ikan pacu (*Myloplus*), flower horn (*Cichlasoma*) dan arapaima (dragon fish).

Bagaimana pun, semakan mendapati ikan baung ekor merah tidak berada dalam se-

narai berkenaan.

Adnan berkata, pertambahan senarai ikan asing itu yang masih dalam proses penggubalan bermatlamat memelihara ekosistem perairan kita daripada ancaman yang lebih berbahaya pada masa akan datang.

"DOF menambah senarai ikan asing ini disebabkan beberapa faktor, pertama, kehadiran ikan asing ini boleh jejakkan ekosistem kerana sesetengah

daripadanya kita tahu akan jadi dominan, selain ada juga di antaranya yang boleh menyebarluaskan penyakit.

"Buat masa ini ada beberapa spesies sedang diteliti, ia kini dalam proses untuk pindaan peraturan yang membabitkan pihak kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

"Proses itu sudah sangat hampir, apabila telah diluluskan pada peringkat Jabatan Pe-

guam Negara kita akan umumkan senarai tambahan itu," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, berkemungkinan lima hingga enam spesies ikan asing akan dimasukkan dalam senarai larangan import yang akan dikeluarkan kelak.

"Ada di antara spesis ini disenaraikan berdasar maklum balas (umum) kerana ikan itu didapati boleh ancam ekosistem

kita. Sesetengah ikan ini masih tidak ada dalam pasaran tempatan tetapi kita nampak sudah memasuki negara jiran.

"Justeru, kita ambil tindakan awal supaya ia tidak masuk ke perairan negara. Ikan ini biasanya masuk (ke dalam negara) dengan saiz yang kecil dan sukar dikenal pasti spesies sebenar, sekali gus menyukarkan untuk mengesannya secara jelas," katanya.